



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	28/6/2021	MUKA SURAT	: 6
JABATAN	:	TNB		

Fasiliti TNB jadi PPV, pusat kuarantin

PETALING JAYA – Dua premis Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah digunakan sebagai fasiliti untuk membantu pihak berkuasa menyokong Pelan Pemulihan Negara menangani Covid-19.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, fasiliti itu adalah Dewan Kelab Kilat TNB, Pangsapuri TNB di Kapar, Klang dan Kolej Kediaman Bestari di Universiti Tenaga Nasional (Uniten) Kampus Sultan Haji Ahmad Shah di Bandar Muadzam Shah, Pahang.

"Sejak 31 Mac lalu, Dewan Kelab Kilat TNB digunakan sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang memudahkan penduduk sekitar mendapat suntikan vaksin.

"Sebanyak 1,016 bilik di Kolej Kediaman Bestari pula dijadikan sebagai Pusat Kuarantin Covid-19 sejak 15 April lalu,"

katanya dalam satu kenyataan semalam.

Baharin berkata, Dewan Kelab Kilat TNB mampu menampung 600 penerima vaksin sehari dan TNB turut menawarkan premisnya yang lain sebagai pusat pemberian vaksin Covid-19.

Dalam pada itu, katanya, TNB telah menyumbang lebih RM33 juta bagi menjamin kestabilan dan daya harap bekalan elektrik ke lokasi kritikal sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama tahun lalu.

Menurut beliau, ia termasuk PPV, Pusat Simpanan Vaksin serta pos kawalan sementara bagi anggota polis dan tentera.

Kata beliau, ia antara langkah TNB bagi menyokong Pelan Pemulihan Negara bagi melindungi golongan rentan, menyediakan bekalan elektrik yang stabil dan memacu pemulihan ekonomi.



PPV Dewan Kelab Kilat TNB di Kapar, Klang mampu menampung 600 penerima vaksin sehari.